



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/06/03\_13 (HQ)

### TIMBALAN PERDANA MENTERI BUKA TIRAI ETCON26, SAKSI PERJANJIAN PENTING PACU AGENDA PERALIHAN TENAGA

Persidangan utama anjuran **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26), bermula hari ini dengan momentum yang memberangsangkan, menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri, pelabur dan pakar teknologi bagi mempercepatkan agenda peralihan tenaga Malaysia di tengah-tengah peningkatan pesat terhadap permintaan kecerdasan buatan (AI) dan infrastruktur digital.

Berlangsung dari 3 hingga 5 Jun 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, edisi kedua ETCon26 ini menyaksikan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof, membuka tirai persidangan.

Dalam ucapnama khasnya, beliau menyifatkan ETCon26 sebagai platform serantau yang tepat pada masanya serta strategik dalam memperkukuh kerjasama, memacu pelaksanaan dan memajukan penyelesaian praktikal bagi agenda peralihan tenaga di Malaysia dan ASEAN.

“Saya ingin merakamkan penghargaan kepada TNB atas kejayaan penganjuran ETCon edisi kedua ini dan menjadikannya sebagai platform yang diyakini, menghimpunkan pemikir terbaik dari seluruh dunia. Persidangan ini mencerminkan komitmen Malaysia dalam mempercepatkan peralihan tenaga serta menggerakkan perbincangan kepada pelaksanaan,” katanya.

#### Perjanjian Penting Bawa Momentum Pelaksanaan

Hari pembukaan ETCon26 menyaksikan pertukaran beberapa perjanjian penting dan pengiktirafan yang disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, menandakan momentum kukuh dalam memajukan agenda peralihan tenaga.

Antara sorotan utama ialah penyampaian pengiktirafan Malaysia Book of Records bagi projek Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) Santong milik TNB di Terengganu yang baru dilancarkan. Projek ini diiktiraf sebagai projek BESS pertama Malaysia yang disambungkan ke grid (First Grid-Forming, Grid Connected BESS Project).

Fasiliti berkapasiti 100 MW/400 MWh itu telah ditauliahkan lebih awal daripada jadual iaitu pada 16 April 2026, sekali gus menandakan pencapaian penting dalam usaha pemodenan grid Malaysia serta memperkukuh keupayaan negara melaksanakan projek penyimpanan tenaga bateri berskala besar pada tahap komersial. Projek tersebut mampu menyokong permintaan elektrik bagi kira-kira 40,000 isi rumah.

Satu lagi pencapaian penting ialah pertukaran Perjanjian Pemegang Saham dan Kontrak Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan melibatkan TNB Power Generation Sdn Bhd, Terengganu Incorporated Sdn Bhd, Cypark Renewable Energy Sdn Bhd dan Fabulous Sunview Sdn Bhd bagi projek Solar Terapung Hidro Hibrid (HHFS) di Kenyir, Terengganu.

Projek tersebut menggabungkan kapasiti penjana solar terapung sebanyak 785 MWp dengan sistem BESS berkapasiti 1,190 MWh, terbesar di Asia Tenggara, sekali gus memperkukuh aspirasi Malaysia untuk memperluaskan penyelesaian tenaga boleh baharu bersepadu dan mempertingkatkan keselamatan tenaga jangka panjang.

Timbalan Perdana Menteri turut menyaksikan pertukaran *Joint Venture Head of Terms* antara TNB Renewables Sdn Bhd dan SME Consortium bagi pembangunan projek *Ground Mounted Solar* berkapasiti 750 MWp bersama BESS berkapasiti 1,000 MWh.

### **Dialog dan Perbincangan Ketengah Masa Depan Tenaga ASEAN**

Hari pertama ETCon26 menampilkan plenari dan dialog yang mantap, menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin utiliti, pemain teknologi, pelabur dan pakar tenaga dari seluruh ASEAN serta komuniti antarabangsa.

Antara sesi utama ialah "*Beyond the Trilemma: Managing Complexity in the Age of Electrification*", yang meneroka strategi praktikal bagi memastikan bekalan tenaga yang boleh dipercayai dan mampu milik sambil memajukan usaha penyahkarbonan.

Satu lagi sesi penting, "*ASEAN's Net Zero Pathway: Can ASEAN Decarbonise without Nuclear Power?*" meneliti peranan tenaga nuklear bersama tenaga boleh baharu dan alternatif rendah karbon lain dalam membentuk masa depan tenaga serantau yang selamat, mampu milik dan mampan.

Perbincangan lain sepanjang hari turut memberi tumpuan kepada sistem tenaga dipacu AI, grid masa hadapan, adaptasi iklim, pendigitalan, transformasi tenaga kerja dan keterhubungan tenaga ASEAN.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini mencerminkan keperluan mendesak untuk kerjasama serantau yang lebih kukuh serta penyelesaian praktikal ketika negara-negara mengharungi persimpangan yang semakin kompleks antara keselamatan tenaga, penyahkarbonan, pendigitalan dan pertumbuhan ekonomi dalam era AI.

### **Melangkah ke Hadapan**

Penyertaan yang memberangsangkan serta perbincangan meluas hari ini memperkukuh peranan ETCon26 sebagai platform serantau strategik dalam memajukan penyelesaian praktikal, kerjasama dan penyelarasan dasar dalam perjalanan peralihan tenaga.

Hari kedua ETCon26 dijangka akan mengupas perbincangan berkaitan kesalinghubungan tenaga, AI dan pertumbuhan ekonomi, dengan tumpuan terhadap pelaburan, keterhubungan serantau dan penterjemahan aspirasi peralihan tenaga kepada tindakan.

"Perbincangan di ETCon26 jelas menunjukkan keperluan mendesak untuk semua pihak berkepentingan bekerjasama secara menyeluruh dalam mencapai agenda peralihan tenaga. TNB akan terus memainkan peranan penting sebagai pemudah cara dalam menyokong aspirasi kemampanan dan ekonomi jangka panjang Malaysia dan ASEAN melalui pelbagai usaha termasuk pemodenan grid, integrasi tenaga bersih dan boleh baharu, serta kerjasama strategik," kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad.

\*\*\*\*\*

### **Mengenai ETCon26**

Dianjurkan oleh TNB, ETCon26 berperanan sebagai platform serantau yang menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri, pelabur, ahli akademik dan inovator bagi mempercepatkan kerjasama serta tindakan dalam agenda peralihan tenaga. Persidangan ini menghimpunkan kira-kira 80 penceramah dari Malaysia dan seluruh dunia, mewakili pelbagai sektor termasuk tenaga, teknologi, kewangan, dasar dan infrastruktur. Bertemakan “Tenaga & Kecerdasan Buatan (AI): Sinergi Memacu Peralihan Tenaga” (*Energy & AI: The Synergy for Energy Transition*), ETCon26 berteraskan tiga kandungan utama iaitu *Energy for AI*, *AI for Energy* dan *Energy Transition for People*.

### **Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)**


Tenaga Nasional Berhad (TNB) ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjana sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjana tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2026, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Jun 2026 jam 12:00 tengah hari**

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 /  
Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606*

*Atau emel kami di: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

PHOTO 1



Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof, menyempurnakan pembukaan Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26), yang berlangsung dari 3 hingga 5 Jun 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 3 Jun 2026.

PHOTO 2



Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof (empat dari kanan), diiringi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (tiga dari kanan), mendengar taklimat mengenai daya tahan grid di reruai TNB sempena ETCon26.

PHOTO 3



Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof (empat dari kanan), diiringi Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid, dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad, ketika melawat reruai TNB sempena ETCon26.

PHOTO 4



Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof (enam dari kanan), bergambar bersama Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad (tujuh dari kanan), Timbalan Menteri Ekonomi, Dato' Indera Mohd Shahrar Abdullah (enam dari kiri), Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad, serta barisan pengurusan TNB sempena hari pembukaan ETCon26 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 3 Jun 2026.

**PHOTO 5**



Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof (tengah), bersama Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad (tiga dari kiri), Timbalan Menteri Ekonomi, Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah (dua dari kiri), Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (dua dari kanan), serta Ketua Pegawai Kanan Strategi, Regulatori dan Kelestarian TNB, Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil (paling kiri), meninjau model pembangunan tenaga boleh baharu (TBB) yang dipamerkan di reruai TNB sempena ETCon26.